

**TAWARAN SEBAGAI PEGAWAI PERHUBUNGAN PROTOKOL & ISTIADAT
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA**

Jabatan Pendaftar

Telah Dihantar: 25 Ogos 2010 11:19**Kepada:** UUM - All Staff

Universiti Utara Malaysia akan mewujudkan Pasukan Pegawai Perhubungan Protokol dan Istiadat (PPPI) untuk bertugas dalam acara-acara rasmi Universiti termasuk Majlis Konvokesyen.

Tawaran adalah dipelawa kepada Pegawai Tadbir N41, Pensyarah DS45 dan staf sokongan gred N17 ke atas.

Pegawai-pegawai Universiti yang terpilih akan diberi beberapa insentif dan ganjaran seperti berikut:-

- a) Dua (2) set pakaian khas;
- b) Diambil kira dalam penilaian prestasi tahunan;
- c) Kursus bagi meningkatkan kemahiran dalam bidang berkaitan; dan
- d) Sijil Penghargaan.

Pegawai-pegawai akan dipilih berdasarkan kriteria berikut:-

- a) Mempunyai minat dan komitmen yang tinggi terhadap tugas ini.
- b) Mempunyai perwatakan dan ketrampilan diri yang menarik dan menyenangkan.
- c) Mempunyai kemahiran sosial yang tinggi.

Staf yang berminat bolehlah mendapatkan borang permohonan di Jabatan Pendaftar mulai 26 Ogos 2010 (Khamis). Untuk maklumat lanjut, sila hubungi En. Afendy Muhammad di talian 3030 atau Pn. Maheran di talian 3024.

Tarikh tutup permohonan adalah pada 5 September 2010 (Ahad).

Jabatan Pendaftar